

06 DEC, 2021

## Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana manfaatkan Lapangan Terbang Bebuling Spaoh

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana manfaatkan Lapangan Terbang Bebuling Spaoh

**KUCHING:** Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana selain banyak yang telah dilaksanakan sebelum ini untuk memastikan Lapangan Terbang Bebuling mempunyai muatan penuh kargo perkhidmatannya dalam tempoh dua tahun lagi kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah kelmarin.

“Beliau juga menambah, beberapa infrastruktur berkaitan lainnya juga sedang dipersiapkan.

“Lapangan terbang bernilai RM108 juta itu akan menjadi pintu keluar yang paling sesuai untuk produk bukan sahaja dari kawasan Bakul Makanan Betong-Mukah yang lebih besar tetapi juga Agropolitan Makanan Bukit Sadok dan kawasan Batang Ai.

Batang Ai terkenal dengan ikan tilapia yang turut dieksport ke Singapura,” katanya dalam satu kenyataan pada Program Jualan Terus dari Ladang anjuran Lembaag Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Tebingan Spaoh, semalam.

Ujarnya lagi, terdapat Taman Perindustrian Betong dan cadangan Taman Agro Bebuling dan Lubok



**HASIL TEMPATAN:** Uggah bertemu dengan penternak madu lebah kelulut pada majlis itu.

Tamang.

Ia merupakan model baru di mana pihaknya akan membawa masuk petani yang mengusahakan pertanian secara besar-besaran yang juga merupakan usahawan tani.

Mereka bukan sahaja ber-

pengalaman tetapi mempunyai teknologi moden untuk memproses dan membungkus makanan bagi memenuhi piawaian keselamatan makanan antarabangsa yang ketat untuk mengeksport, tegasnya.

“Lebih penting lagi, mere-

ka telah mewujudkan rangkaian pasaran luar negara mereka sendiri,” katanya.

Uggah yang juga Menteri Pertengahan Pertanian, Tanah Adat dan Kemajuan Wilayah menambah, belia tempatan akan dijemput mengambil bahagian sebagai

petani dan penternak di taman agro tersebut.

Beliau berkata langkah tersebut akan dipergiatkan untuk mendapatkan petani dan penternak untuk meningkatkan produktiviti mereka melalui amalan pertanian moden.

Kemudian pihaknya akan membimbing mereka mendapatkan hasil yang berkualiti.

“Dengan berbuat demikian, mereka boleh menjana lebih banyak pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka,” tegasnya.

Beliau turut meminta FAMA menambah bilangan petani kontraknya di sini.

Mengenai perkara lain beliau berkata, sebuah rumah penyembelihan moden juga antara yang tersenarai sebagai projek baharu di sini.

“Kami sedang berbincang dengan Lembaga Penyatuan dan Pemulihian Tanah Sarawak (SALCRA).

“SALCRA kini memulakan penternakan lembu di beberapa ladang kelapa sawitnya.

“Jadi dengan semua ini, apabila lapangan terbang sudah siap, produk juga telah tersedia,” katanya.



06 DEC, 2021

## Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana manfaatkan Lapangan Terbang Bebuling Spaoh

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana selain banyak yang telah dilaksanakan sebelum ini untuk memastikan Lapangan Terbang Bebuling mempunyai muatan penuh kargo perkhidmatannya dalam tempoh dua tahun lagi kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah kelmarin. "Beliau juga menambah, beberapa infrastruktur berkaitan lainnya juga sedang dipersiapkan.